

Media: Harian Metro
Date: 24 May 2019

KAEDAH MEMASAK “CAMPUR, CAMPUR, SIAP!” MENG GALAKKAN PENGAMBILAN SAYUR-SAYURAN MELALUI BULAN PEMAKANAN MALAYSIA 2019

BERSEMPENA

Bulan Pemakanan Malaysia 2019 (NMM), Ajinomoto (Malaysia) Berhad meneruskan inisiatif dalam memperluas kaedah memasak “Campur, Campur, Siap!” bagi menggalakkan pengambilan sayur-sayuran yang lebih banyak dalam kalangan rakyat Malaysia.

“Campur, Campur, Siap!” menekankan masakan yang ringkas, cepat, lazat dan berkhasiat serta menggalakkan orang ramai memenuhi keperluan pengambilan diet seimbang yang sihat secara konsisten. Konsep “Campur, Campur, Siap!” menggalakkan pengambilan sayur-sayuran yang mencukupi ini tercetus daripada kempen Pinggan Sihat Malaysia #SukuSukuSeparuh yang diperkenalkan oleh Kementerian Kesihatan Malaysia sejak Disember 2016.

Sebagai salah satu penaja utama NMM, syarikat Ajinomoto menawarkan pelbagai aktiviti menarik di Food Fit Fun Fair termasuk aktiviti “Campur, Campur, Siap!” Fun Cooking antara ibu bapa dan anak, perkongsian maklumat Umami, demonstrasi memasak Sayur Labu

Campur, persampelan basah serta Kuiz Tonton dan Menang. Aktiviti-aktiviti ini berjaya meningkatkan kesedaran tentang pemakanan sihat dalam kalangan ahli keluarga di samping mengukuhkan ikatan kekeluargaan antara mereka.

Selain itu, usaha sama antara Jawatankuasa NMM dan Syarikat Ajinomoto telah menerbitkan buku kanak-kanak yang penuh informasi dan berwarna-warni berjudul “Saya Suka Sayur-Sayuran”, ianya berguna untuk mendidik kanak-kanak supaya menghargai sayur-sayuran melalui pencintaan yang menarik tentang kaedah pemrosesan sayur-sayuran bermula dan ladang sehingga ke meja makan. Cerita yang berinspirasi dapat menggalakkan kanak-kanak untuk memakan sayur-

sayuran yang mencukupi pada setiap hari.

Mengikuti Penciptaan Nilai Bersama oleh Kumpulan Ajinomoto (ASV) ke arah mengatasi keperluan sosial, kaedah memasak “Campur, Campur, Siap!” bertujuan untuk menyemai kebiasaan pengambilan lebih banyak sayur-sayuran melalui diet seimbang dalam kalangan rakyat Malaysia demi kesihatan yang lebih baik.

Penciptaan Nilai Bersama oleh Kumpulan Ajinomoto (ASV): Usaha-usaha yang dikaitkan dengan nilai dan pertumbuhan ekonomi dengan menyumbang kepada penyelesaian masalah sosial seperti kelestarian global, sumber makanan dan kehidupan yang sihat melalui pemagaan Kumpulan Ajinomoto sejak penubuhannya.

